

MAGAZINE & DOCUMENTARY DEPARTMENT

3rd Floor, South Wing
Sri Pentas,
3 Persiaran Bandar Utama,
Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

TARIKH : 11 April 2013

KEPADA : Prof Madya Dr Hj Jariah Mohd Jan
Fakulti Bahasa & Linguistik, UM

DARIPADA : **KHAIROL BARIAH KAMARUDDIN**
Penerbit

TEL : 603-7952 7999 ext
9025

FAKS : 03- 7952 7819

H/P : 017-2951109 (Sulastri)

PER : **MEMOHON PENGGAMBARAN BERSAMA NONA, TV3**

Dengan hormatnya kami merujuk perkara di atas.

Primeworks Studios adalah anak syarikat Media Prima Berhad yang menerbitkan program TV3, NTV7, 8TV, dan TV9.

Maka dengan itu, Jabatan Majalah dan Dokumentari turut menerbitkan beberapa program popular TV3 termasuklah program majalah wanita, **NONA**, program berbentuk majalah wanita yang memaparkan gaya hidup, isu dan kejayaan wanita masa kini. Rancangan ini dihoskan oleh Farah Fauzana dan Neelofa. Program ini disiarkan setiap hari Ahad jam 2 petang di TV3.

Antara segmen utama kami ialah '**Personaliti**', di mana kami memaparkan kisah wanita-wanita yang berjaya untuk dijadikan inspirasi kepada wanita-wanita lain umumnya. Oleh itu, untuk episod yang akan datang kami ingin memohon untuk menemuramah dan mengadakan penggambaran bersama **Prof Madya Dr Hj Jariah Mohd Jan**. Kami ingin **berkongsi tip tentang kejayaan Datuk kini dan cara terbaik untuk memperkasakan wanita alaf kini**.

Cadangan butiran penggambaran adalah seperti berikut:

Tarikh penggambaran: 17 @ 18 April 2013 (Rabu @ Khamis)

Masa : 1000-1300

Bil. Krew : 4 orang (wartawan penyiaran, jurukamera, juruteknik, pemandu)

Aktiviti : - sesi temuramah bersama Prof Madya Dr Hjh Jariah Mohd Jan (soalan akan diberi sebelum tarikh penggambaran)
- Lakon semula aktiviti terkini Dr., contohnya Dr. di pejabat, berbincang bersama pekerja, bersama pelajar UM, dan sekiranya Datuk terlibat dalam sebarang majlis di masa terdekat, kami berbesar hati untuk turut serta memberi liputan (atas kebenaran Datuk). Sebarang cadangan aktiviti lain daripada Dr. juga sangat saya hargai.

Episod ini bakal ditayangkan pada 28 April 2013, tertakluk kepada sebarang pindaan. Kami amat berbesar hati sekiranya mendapat sokongan dan pertimbangan daripada pihak Dr. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila hubungi **Sulastri Mohd Juki (Wartawan Nona)** di talian 03-7952 7999 sambungan 9018 atau **017-2951109 (sulastri@primeworks.com.my)**

Kerjasama dan jawapan segera dari pihak Dr. amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

KHAIROL BARIAH KAMARUDDIN

Penerbit